

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

JABATAN LAUT MALAYSIA

SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
JABATAN LAUT MALAYSIA



Apakah kedudukan Jabatan Laut Malaysia (JLM) dalam tempoh
Perintah Kawalan Pergerakan ini?

1

Jawapan: Selaras dengan Perenggan 5 (1), di dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020, perkhidmatan yang diberi oleh JLM ditakrifkan sebagai perkhidmatan perlu. Oleh itu, **SEMUA PREMIS JLM KECUALI INSTITUT LATIHAN (ILPL)** hendaklah dibuka dalam tempoh tersebut.

Adakah perkhidmatan Jabatan Laut Malaysia terjejas dengan Perintah ini?

2

Jawapan: Kaunter-kaunter perkhidmatan Jabatan Laut Malaysia akan **KEKAL BEROPERASI** dengan bilangan pegawai yang lebih kecil bagi mengurangkan risiko dijangkiti Covid-19. Oleh yang demikian para pelanggan digalakkan menggunakan perkhidmatan atas talian yang disediakan untuk berurusan dengan Jabatan Laut.

3

Apakah perkhidmatan JLM yang disediakan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?

Jawapan: JLM juga memberi komitmen bahawa tugas-tugas yang melibatkan keselamatan perkapalan akan diteruskan dan tugasan yang dimaksudkan itu termasuklah: -

- a) Perkhidmatan Vessel Traffic System (VTS) di Ibu Pejabat dan Wilayah;
- b) Perkhidmatan Aids to Navigation di Ibu Pejabat dan Wilayah;
- c) Perkhidmatan di pejabat-pejabat pelabuhan yang terlibat urusan berikut: -
 - i. Clearance kapal (ketibaan dan pelepasan kapal)
 - ii. Urusan sign on dan sign off pelaut Malaysia
 - iii. Operasi jeti dan pelabuhan di bawah JLM
 - iv. Pemeriksaan feri sebelum pelepasan (pre departure inspection)
 - v. Pengurusan Bencana di laut
 - vi. Kesiap sagaan bot (sekurang-kurangnya 2 buah bot setiap wilayah) untuk pengurusan bencana
- d) Perkhidmatan GMDSS, AIS, NAVTEX dan LRIT di peringkat Ibu Pejabat;

Adakah pelabuhan-pelabuhan di Malaysia akan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Jawapan: Semua pelabuhan di Malaysia masih terus beroperasi.

4

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

JABATAN LAUT MALAYSIA

SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
JABATAN LAUT MALAYSIA



Jawapan: Semua aktiviti pelabuhan berjalan seperti biasa. Aktiviti bunkering dan provision untuk semua kapal-kapal dibenarkan. Master dan krew kapal walaubagaimanapun hendaklah mengambil langkah pencegahan COVID-19 yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sewajarnya.

5

Adakah aktiviti bunkering dan provision di pelabuhan dibenarkan?

Adakah Kapal Persiaran dibenarkan untuk beroperasi di pelabuhan Malaysia?

Jawapan: **TIDAK**, kecuali bagi tujuan mendapatkan bekalan provision dan bantuan kemanusiaan sahaja. Aktiviti mengambil dan menurunkan penumpang adalah tidak dibenarkan.

6

7

Jawapan: Operasi feri dan bot tambang adalah dikategorikan sebagai perkhidmatan penting (pengangkutan awam) dan boleh beroperasi dengan mengamalkan langkah-langkah pencegahan COVID-19 yang disarankan oleh KKM. Walaubagaimanapun, aktiviti berkaitan sosial seperti *Parasailing, Sunset Cruise, Island Hopping, Snorkelling, Diving, Sport Fishing, Regatta* dan seumpamanya adalah disekat.

Adakah perkhidmatan feri dan bot tambang di sekat operasi?



Adakah terminal feri antarabangsa beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?

Jawapan: **YA**, secara amnya semua perkhidmatan pengangkutan awam beroperasi seperti biasa. Walaubagaimanapun pergerakan keluar masuk penumpang adalah di bawah kawalan Jabatan Imigresen Malaysia, dan tertakluk kepada arahan Perintah Kawalan Pergerakan ini.

8

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

JABATAN LAUT MALAYSIA

SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
JABATAN LAUT MALAYSIA



Adakah aktiviti sign on dan sign off dibenarkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?



Jawapan: Ya. Bermula pada 3 April 2020, hanya pelaut warganegara Malaysia **DIBENARKAN** untuk sign on dan sign off di mana-mana pelabuhan di Malaysia. Walaubagaimanapun, pelaut yang dibenarkan untuk sign off adalah pelaut yang telah tamat kontrak perkhidmatan.

9

Sebagai pelaut Malaysia, bolehkah saya sign off di pelabuhan Malaysia atas urusan sosial dan kekeluargaan? Contohnya ada kematian keluarga terdekat.



10

Jawapan: **YA**, dan ianya boleh dilakukan bermula 3 April 2020. Ini bagaimanapun tertakluk kepada pematuhan terhadap prosedur seperti yang diterangkan di dalam MSN 2/2020 yang terkini.

Sekiranya berlaku medical evacuation dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini, apakah prosedur yang perlu dilaksanakan?



11

Jawapan: Nakhoda perlu memaklumkan kepada pemilik ataupun ejen, seterusnya pemilik ataupun ejen perlu memaklumkan kepada Pusat Komunikasi Maritim (PUSSKOM) melalui **03-3169 5233/5201** yang beroperasi 24 jam. JLM akan menetapkan pelabuhan terdekat di mana medical evacuation ini boleh dijalankan. Hal-hal kecemasan dan kesihatan ini boleh merangkumi semua pelaut tanpa mengira kewarganegaraan.

Adakah saya boleh membuat permohonan baru atau pembaharuan Kad Pelaut (Seaman Card), Sijil Perakuan Kekompetenan (COC) dan Perakuan Pengiktirafan (COR) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini?



Jawapan: Permohonan baru ditangguhkan buat masa ini sehingga dimaklumkan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun Permohonan Pembaharuan (renewal) untuk Kad Pelaut (Seaman Card), Sijil Perakuan Kekompetenan (COC) dan Perakuan Pengiktirafan (COR) boleh dilakukan permohonan perlanjutan sehingga 30 Jun 2020. Permohonan adalah disyorkan dibuat secara atas talian menggunakan borang pengecualian MSN 09/2019.

12

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)



JABATAN LAUT MALAYSIA



SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
JABATAN LAUT MALAYSIA



Sekiranya saya pelaut Malaysia dan berlayar di perairan antarabangsa, bolehkah saya kembali semula ke Malaysia selepas sign off di luar negara?



Jawapan: **BOLEH**, tetapi tertakluk kepada polisi pergerakan terkini negara tersebut.

13

Apa yang perlu saya lakukan sekiranya sijil statutory kapal akan tamat tempoh semasa Perintah Kawalan Pergerakan?

14

Jawapan: Mana-mana kapal yang sijil statutori telah tamat tempoh atau akan tamat tempoh di dalam Perintah Kawalan Pergerakan ini, boleh memohon perlanjutan tempoh sijil melalui permohonan email ke bkim@marine.gov.my



bkim@marine.gov.my

Adakah security level (ISPS Code) perlu dinaikkan akibat daripada wabak Covid-19?

15

Jawapan: Tiada keperluan buat masa sekarang

Saya mempunyai kapal layar persendirian (yacht). Bolehkah saya dibenarkan berlayar ketika ini?

Jawapan: **Aktiviti pelayaran domestik dan ke luar negara dalam tempoh ini tidak dibenarkan.** Ini juga termasuk kapal layar asing yang ingin memasuki pelabuhan Malaysia. Sekatan ini tidak terpakai untuk pelayar asing yang ingin berlayar keluar dari Malaysia.

16

"ORANG RAMAI ADALAH DINASIHATKAN UNTUK MERUJUK LAMAN WEB RASMI JABATAN LAUT MALAYSIA DI www.marine.gov.my ATAU FACEBOOK <https://www.facebook.com/JabatanLautMalaysia> UNTUK PENGESAHAN MAKLUMAT DAN ELAKKAN DARIPADA MEMPERCAYAI SEBARANG HEBAHAN MELALUI MEDIA SOSIAL YANG SUMBERNYA BUKAN DARI JABATAN LAUT MALAYSIA"